ibrah

Kisah militan remaja Daesh

Oleh PROF. MADYA DR. MOHD HIZAM HANAFIAH
Sarjana Pelawat, The Wharton School, University of Pennsylvania, USA, Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Panel Deradikalisasi KDN

KISAH militan berpalingtadah merupakan naratif yang cukup berkesan dalam memberi kefahaman kepada masyarakat tentang keadaan sebenar 'Negara Islam Daesh'. Antara kisah yang menarik datangnya daripada Ibn Omar, bekas militan remaja Daesh yang berusia 15 tahun ketika ditemubual di Turki.

Beliau kini seorang pelarian di Turki dan bekerja sebagai pemungut kapas. Seperti remaja miskin lain di wilayahnya di Syria, beliau tidak bersekolah setelah berusia 13 tahun dan menjadi pemungut kapas. Dengan kehidupan yang susah, beliau menyertai Daesh setelah tertarik dengan habuan dijanjikan iaitu kereta dan senjata api.

Bagi remaja miskin sepertinya, memiliki kereta adalah sesuatu yang amat mengujakan, ibarat satu peluang sekali seumur hidup. Dengan tahap kefahaman agama Islam yang rendah, beliau juga terpesona dengan 'Khalifah Islam Daesh' yang dijanjikan dapat memberikan kebebasan daripada hidup di bawah Rejim Bashar.

Beliau pergi sendiri menemui militan Daesh bagi menyatakan hasrat menyertai Daesh dan dalam masa hanya selama 15 hari, beliau mengambil keputusan menyertai Daesh. Ibn Omar menjalani latihan ketenteraan selama sebulan dan bersama Daesh selama tujuh bulan sebelum berpaling tadah.

> Daesh tidak akan membunuh seseorang, mereka memotongnya, memotong tangannya atau membunuhnya. Terdapat kes orang tidak bersalah dihukum, meletakkan Islam sangat kecil dan memaksakan hukuman dilihat dengan memaksakan mereka (Islam) dengan cara Islam yang selain kisah hukuman bunuh dengan meletakkan mereka (Islam) kenderaan dan menembaknya dengan roket propelled grenade (RPG).

MENJADI PENGEBOM BUNUH DIRI

Ibn Omar menceritakan bagaimana kanak-kanak seawal usia 10 tahun dilatih menjadi pengebom bunuh diri. Kereta yang akan digunakan untuk pengeboman bunuh diri ini dipasang di kedai bijiran di Tell Abyad, dalam wilayah Syria, bersempadan dengan Akcakale di Turki.

Kanak-kanak yang naif ini diajar cara memandu kereta pada awalnya. Pada hari yang dimaksudkan, kanak-kanak tidak bersalah ini diminta mengambil kereta di kawasan tertentu, membawanya ke lokasi tertentu dan parkir di kawasan tertentu.

Apabila kanak-kanak ini sampai di tempat yang dimaksudkan, mereka diajar menarik brek tangan apabila kereta berhenti dan kereta tersebut akan meletup, mengorbankan kanak-kanak tidak bersalah ini dan mereka di sekeliling. Kata Ibn Omar, pencetamah agama yang mengajar syariah kepada mereka pada waktu maghrib dan isyak mengajar: "Apabila anda naik kereta dan tekan butang ini, anda akan masuk syurga."

Ibn Omar juga menceritakan bagaimana remaja yang lebih berusia sanggup menjadi pengebom bunuh diri kerana percaya bahawa meletupkan diri dalam kalangan orang kafir (orang Islam yang dianggap kafir oleh Daesh) akan masuk syurga.

Kedapatan kes militan remaja mengambil pil yang diberi Daesh sebelum meletupkan kenderaan yang dipandu. Daesh mempergunakan militan kanak-kanak, remaja ini dengan memasarkan 'checkpoints' atau pos tentera sama ada dikawal oleh tentera Syria atau kumpulan militan Islam lain yang menentang Bashar.

Ibn Omar juga menceritakan bagaimana kanak-kanak seawal usia tujuh tahun 'diterima menyertai Daesh dan diambil bekerja sebagai perisik'. Memandangkan kanak-kanak seusia begini tidak disyaki, maka Daesh berupaya mendapatkan maklumat tentang musuh mereka melalui 'perisik kecil' ini.

UNDANG-UNDANG RIMBA

Sepanjang Ibn Omar bersama Daesh, beliau melihat sendiri Muslim yang dianggap kufur atau murtad dihukum bunuh oleh Daesh, melihat kanak-kanak yang mencuri di kedai runcit dihukum potong tangan oleh Daesh, kanak-kanak yang tidak mahu menyertai Daesh dipotong tangannya, militan kanak-kanak atau remaja tidak dijaga kebajikan mereka serta mereka yang tidak mengetahui apa-apa dipergunakan dalam misi membunuh dan digelar Operasi Mati Syahid oleh Daesh).

Ibn Omar juga mendedahkan penyelewengan Daesh yang merampas rokok daripada pekedai tetapi menjualnya semula kepada pekedai lain selepas beberapa minggu. (Video propaganda Daesh menunjukkan mereka membakar rokok yang dirampas di tempat awam).

Peristiwa-peristiwa ini akhirnya membuka hati Ibn Omar untuk berpaling tadah. Beliau insaf melihat kanak-kanak miskin, tidak bersalah dan mudah terpengaruh yang tidak tahu untuk apa dan mengapa mereka direkrut. Beliau tidak percaya dengan indoktrinasi Daesh tentang mati syahid dan melarikan diri ketika diberikan bercuti.

Walaupun selamat di Turki, beliau rindukan kampung halaman, keluarga dan negaranya yang telah musnah. Mereka yang bersimpati dengan Daesh di Malaysia seharusnya membaca di Internet atau melihat di Youtube cerita sebenar mangsa kekejaman dan mereka yang pernah ditawan Daesh.

Hayatilah pengakuan sebenar militan Daesh yang berpaling tadah tentang realiti sebenar kehidupan di bawah Daesh, video propaganda palsu, keganasan dan kekejaman, jenayah terbesar terhadap kemanusiaan yang dilakukan Daesh.

PESANAN KEPADA RAKAN SEBAYA

Ibn Omar sempat berpesan untuk kanak-kanak seluruh dunia:

"Jangan sertai rejim Daesh, mereka bukan Muslim yang sebenar. Mereka kufur. Mereka membunuh orang tidak bersalah. Mereka bukan hendak berjihad. Mereka hanya hendak wang. Sesiapa yang menyertai mereka amat sukar untuk keluar.

"Mereka menggambarkan diri mereka sebagai Muslim tetapi mengajar kanak-kanak cara untuk melakukan pengeboman bunuh diri dan menyatakan anda akan ke syurga. Mereka adalah penipu. Tiada apa yang benar di sini. Jangan datang ke Daesh, mereka bukan Negara Islam. Semuanya adalah pembohongan. Anda menyertai Daesh tanpa mendapat apa-apa. Mereka memperdaya orang lain untuk berjihad bersama mereka tetapi ini bukan jihad.

"Mereka hanya ajak anda berperang. Mereka hanya mencari orang untuk meletupkan diri sendiri untuk memasuki syurga". Anda tidak akan mendapat apa-apa manfaat setelah melalui pelbagai 'seksaan'. Semuanya adalah pembohongan."

KANAK-KANAK bersenjatakan raifal dipercayai anggota Daesh dipaparkan dalam video sebelum memenggal kepala beberapa tebusan. – AGENSI

GAMBAR propaganda menunjukkan sebahagian kanak-kanak memegang senjata di sebuah kem latihan Daesh di Deir ez-Zor, Syria baru-baru ini. – AGENSI